

117

NO. SOALAN: 55

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK  
FOH [ SANDAKAN ]**

**TARIKH : 05 APRIL 2018 (KHAMIS)**

**RUJUKAN : 10729**

**SOALAN :**

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [ Sandakan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan warga Sabah yang kini bermastautin di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan luar negara. Berapakah bilangan warga Sabah yang melepaskan kewarganegaraan setiap tahun.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sehingga 12 Mac 2018, terdapat 160,625 orang warganegara Malaysia kelahiran Sabah yang bermastautin di luar negeri tersebut. Perincian mengikut lokasi alamat terkini mereka adalah seperti mana berikut:

<b>Lokasi Alamat Terkini</b>	<b>Jumlah (Orang)</b>
<b>Semenanjung Malaysia</b>	<b>146,005</b>
<b>Sarawak</b>	<b>14,570</b>
<b>Luar Negara</b>	<b>50</b>
<b>Jumlah Keseluruhan (Orang)</b>	<b>160,625</b>

JPN merekodkan seramai 617 orang individu kelahiran Sabah yang telah melepaskan kewarganegaraan Malaysia dari tahun 2013 hingga 2017.